

JUDUL : **Harian Metro**TARIKH : **Rabu, 1 Julai 2015****M/S : 59****Harian Metro****RABU****1 JULAI 2015**

# Pustaka digital ASEAN

## ■ Projek jadi platform kongsi koleksi kesusasteraan

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus  
asmaini@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**U**saha Negara ASEAN yang mengadakan projek Perpustakaan Digital dilihat satu alternatif terbaik dalam menyediakan kemudahan sumber dan perkongsian capaian maklumat berkaitan kebutuhan untuk masyarakat di rantau ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Tan Sri Dr Ong Hong Peng berkata, projek terbaru itu adalah hasil kerjasama Perpustakaan Negara setiap negara anggota dengan tujuan utamanya adalah untuk berkongsi maklumat tertentu yang terdapat di perpustakaan masing-masing.

Katanya, projek terbabit di terajui Lembaga Perpustakaan Kebangsaan Singapura dan sebahagiannya dibiayai oleh Dana Kebudayaan, Jawatankuasa ASEAN mengenai Maklumat dan Kebudayaan (ASEAN COCI).

"Projek ini mampu menjadi platform dalam menggalakkan lagi perpustakaan setiap negara untuk berkongsi koleksi kebu-

dayaan, kesusasteraan dan intelektual yang ada selain menyediakan capaian maklumat untuk semua.

"Selain itu, Pusat Sumber ASEAN atau Sudut ASEAN juga akan diwujudkan di setiap Perpustakaan Negara dengan koleksi terbitan serta material bacaan negara anggota sendiri.

"Kerjasama seperti ini dapat membantu mempromosikan kebudayaan dan warisan ber-

harga sesebuah negara sekali gus mengeratkan hubungan serta kerjasama serantau," katanya ketika berucap merasmikan majlis perasmian Pameran ASEAN 2015 di Perpustakaan Negara, semalam.

Hadir sama Menteri Kaunselor Pensosbud Keduaan Indonesia Trigustono Supriyanto, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Nafisah Ahmad dan wakil pejabat kedutaan negara ASEAN.

Sementara itu, mengulas mengenai pameran berkenaan, Ong berkata ia dianjurkan sempena ulang tahun ASEAN ke-47 serta pelantikan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN dan tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 baru-baru ini.

**FAKTA**  
*Pusat Sumber ASEAN atau Sudut ASEAN juga akan diwujudkan*